

**PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN ke-4**  
**(Karya Hujjatul Islam Imam al-Ghazali)**  
**Kuliah Maghrib kali ke-88**

## **KELEBIHAN HADIR KE MAJLIS ILMU**

*"Barangsiapa melalui suatu jalan untuk menuntut ilmu, maka dianugerahkan Allah kepadanya jalan ke syurga." (Muslim)*

*"Sesungguhnya malaikat itu membentangkan sayapnya kepada penuntut ilmu, tanda rela akan usahanya itu." (Ahmad, Ibnu Hibban, Al-Hakim)*

*"Satu bab daripada ilmu yang dipelajari seseorang, adalah lebih baik baginya daripada dunia dan isinya." (Ibnu Hibban, Ibnu Abdul Birri)*

*"Bahawa sesungguhnya engkau berjalan pergi mempelajari satu bab daripada ilmu, adalah lebih baik daripada engkau melakukan solat 100 rakaat." (Ibnu Abdul Birri)*

### **Apakah kelebihan2 datang ke majlis ilmu?**

1. Dimudahkan Allah jalan ke syurga.
2. Malaikat bentangkan sayapnya kepada kita, tanda suka.
3. Belajar 1 bab ilmu, lebih baik daripada dunia dan isinya.
4. Pergi belajar 1 bab daripada ilmu, lebih baik daripada solat sunat 100 rakaat.

## **SOALAN-SOALAN YANG SEPATUTNYA SUDAH BOLEH KITA JAWAB**

1. Apakah maksud 'Ihya' 'Ulumidin?
2. Siapakah pengarang kitab Ihya' 'Ulumiddin?
3. Apakah gelaran pengarangnya?
4. Apakah nama penuh Imam al-Ghazali?
5. Sebutkan 2 karya Imam Ghazali.
6. Siapakah Muhammad bin Tumart?
7. Siapakah nama adik Imam al-Ghazali?
8. Apakah kelebihan2 datang ke majlis ilmu?
9. Ada berapa jenis pujian?
10. Ada berapa bahagian kitab Ihya'?

## **APAKAH KELEBIHAN2 ILMU?**

*"Aku mengakui bahawa sesungguhnya tidak ada Ilah selain-Nya, dan para malaikat (juga) mengakuinya dan orang-orang berilmu, yang tegak dengan keadilan." (Ali Imran : 18)*

Tuhan letakkan secara berurutan:

1. Tuhan
2. Para malaikat
3. Orang-orang berilmu

*“Diangkat oleh Allah orang-orang yang beriman daripda kamu dan orang-orang yang diberi ilmu dengan beberapa tingkat.”* (Al-Mujadalah : 11)

Ibnu Abbas berkata : “Untuk ulama (ada) beberapa tingkat di atas orang mukmin (beriman) dengan 700 tingkat tingginya. Antara dua tingkat itu, jaraknya sampai **500 tahun perjalanan.**”

*“Katakanlah,, adakah sama antara orang-orang yang berilmu dan orang-orang yang tidak berilmu?”* (Az-Zumar : 9)

*“Sesungguhnya yang takut akan Allah daripada hamba-Nya ialah orang berilmu (ulama).”* (Fathir : 28)

*“Berkatalah orang yang mempunyai pengetahuan tentang Kitab : “Aku sanggup membawanya kepada engkau.”* (An-Naml : 40)

### **KISAH RINGKAS NABI SULAIMAN (Surah An-Naml)**

*“Dan sungguh, Kami telah berikan ilmu kepada Dawud dan Sulaiman, dan kedua-duanya berkata : “Segala puji bagi Allah yang melebihkan kami daripada banyak hamba-hamba-Nya yang beriman.”* (15)

- Nabi Sulaiman menggantikan bapanya Nabi Dawud sebagai pemerintah.
- Nabi Sulaiman diajar bahasa burung.
- Nabi Sulaiman bergerak dengan tenteranya yang terdiri daripada jin, manusia dan burung-burung.
- Tiba di suatu lembah, Nabi Sulaiman tersenyum mendengar bahasa seekor semut : “Wahai semut-semut! Masuklah ke dalam sarang-sarang kamu, agar kamu tidak dipijak oleh Sulaiman dan tenteranya, sedangkan mereka tidak menyadarinya.” (ayat 18)
- Tiba-tiba Nabi Sulaiman terperasan yang burung Hud-hud tidak ada bersama2 mereka.

*“Pasti aku akan menghukumnya dgn hukuman yg berat ataupun aku sembelih, kecualilah ia datang kepadaku dengan (memberi) alasan yg jelas.”*(ayat 21)

- Kata Hud-hud, dia datang dari kerajaan Saba' (Yaman), yang diperintah oleh seorang wanita. Orang-orang Saba; menyembah matahari.

*“Dia (Sulaiman) berkata : “Aku akan tengok, apakah engkau benar ataupun engkau termasuk yang berdusta.”* (ayat 27)

- Nabi Sulaiman suruh Hud-hud hantar surat kepada Ratu Saba', kemudian intip perbualan Ratu Saba'.
- Ratu Saba' bermesyuarat dengan para menterinya tentang isi surat itu.

*“Sesungguhnya itu dari Sulaiman yang isinya : “Bismillahirrahmaanirrahiim. Janganlah engkau meninggi diri terhadapku, dan datanglah kepadaku sebagai orang-orang yang berserah diri.”* (ayat30-31)

- Ratu Saba' tak pernah buat keputusan sendiri, melainkan dengan bermesyuarat.
- Para pembesar yakin dengan kekuatan tentera mereka, tetapi mereka serahkan keputusan kepada Ratu.
- Ratu Saba' berusaha elakkan perang kerana perang bawa banyak kemusnahan jiwa dan harta benda.
- Ratu Saba' hendak uji Nabi Sulaiman terlebih dahulu. Jadi dia hantar utusan dan hadiah.
- Nabi Sulaiman tak terpengaruh dengan harta. Nabi Sulaiman berikrar akan menyerang Saba' jika pemerintahnya tidak mahu beriman.
- Suatu hari, Nabi Sulaiman minta sesiapa yang mampu pergi mengambil singgahsana Ratu Saba'.
- Jin Ifrit yakin dapat membawanya sebelum Nabi Sulaiman bangun dari tempat duduknya.
- Seorang yang ada ilmu daripada kitab yakin dapat membawanya dalam sekelip mata, dan dia membuktikannya.
- Apabila Ratu Saba' datang, dia terkejut melihat singgahsananya ada di situ.
- Nabi Sulaiman menjemput Ratu Balqis masuk ke dalam istana. Lantai istana itu berkilat. Ratu Saba' menyangkakan lantai itu air, dia pun mengangkat bajunya hingga ternampak betisnya. Selepas Nabi Sulaiman beri penjelasan, Ratu Balqis berasa insaf lalu beriman.

## SAMBUNG KELEBIHAN-KELEBIHAN ILMU.

*“Contoh-contoh itu Kami buat untuk manusia, dan tidak ada yang mengerti kecuali orang-orang yang berilmu.”* ( Al-Ankabut : 43)

*“Barangsiaapa dikehendaki Allah untuk beroleh kebaikan, nescaya dianugerahiNya pemahaman dalam agama dan diilhamkanNya petunjuk.”* ( Bukhari, Muslim)

*“Orang berilmu (ulama) itu adalah pewaris para nabi.”* (Abu Dawud, Turmizhi)

*“Apabila datanglah kepadaku hari yang tidak bertambah ilmuku padanya, (ilmu) yang mendekatkan aku kepada Allah, maka tidak diberikan barakah bagiku pada terbit matahari hari itu.”* (Thabrani, Abu Na’im, Ibnu Abdil Birri)

*“Kelebihan orang berilmu daripada orang ‘abid (adalah) seperti kelebihanku (Rasulullah) daripada orang yang paling rendah dalam kalangan sahabatku.”* (Turmizi –hasan sahih)

*“Kelebihan orang berilmu atas orang ‘abid adalah seperti kelebihan bulan malam purnama daripada bintang-bintang yang lain.”* (Abu Dawud, Turmizi dll)

## **HUKUM PENGGUNAAN HADITH DHAIF**

Hadith dhaif boleh digunakan dalam targhiib (galakan/motivasi), tarhiib (menakutkan), fadhaail ‘amal (kelebihan amal), berjaga-jaga dan kisah-kisah.

### **RIWAYAT-RIWAYAT DHAIF (sebagai sokongan sampingan)**

*“Isi langit dan bumi memohonkan ampun untuk orang berilmu.”* (Abu Na’im dan lain-lain. Sanad dhaif)

*“Dua perkara yang tidak dijumpai pada orang munafik – baik kelakuan dan berfaham agama.”* (Turmizhi)

*“Manusia yang terbaik ialah mukmin yang berilmu. Jika diperlukan, dia berguna. Dan jika tidak diperlukan, dia dapat mengurus dirinya sendiri.”* ( Baihaqi)

*“Seorang yang faqih adalah lebih sukar bagi syaitan menipunya daripada seribu orang ‘abid.”* (Thabrani – isnad dhaif)

*“Antara orang ‘alim dan orang ‘abid, 100 darhat jaraknya. Jarak antara dua darjat itu dapat dicapai dalam masa 70 tahun oleh seekor kuda pacuan.”* (Al-Asfahani – sanad dhaif)

Ali bin Abi Talib berkata kepada Kumail:

*“Ya Kumail! Ilmu itu lebih baik daripada harta. Ilmu menjaga engkau, dan engkau menjaga ilmu. Ilmu itu penghukum, dan harta itu dihukum. Harta itu berkurang apabila dibelanjakan, dan ilmu itu bertambah dengan dibelanjakan.”* (ms 53)

Berkata pula Ali ra : “Orang berlimu lebih utama daripada orang yang selalu berpuasa, bersolat dan berjihad.” (ms 53)

Berkata Ibnu Abbas : “Disuruh pilih Sulaiman bin Daud antara ilmu, harta dan kerajaan. Maka dipilihnya ilmu, lalu dianugerahkan kepada harta dan kerajaan bersama-sama ilmu itu.”